

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Tukang kebun cetus inspirasi saintis hutan | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 30 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 245,911 |
| Page No | 14 | Readership | 737,733 |
| Language | Malay | ArticleSize | 930 cm ² |
| Journalist | MUHAMMAD HASIF IDRIS | AdValue | RM 20,768 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 62,304 |

14 RENCANA

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 30 DISEMBER 2018



Oleh
MUHAMMAD
HASIF IDRIS

SAAT bersua muka dengan seorang lelaki berkemeja merah putih yang sedang bersandar di tembok dinding, yang terlintas dalam kepala penulis mungkin sosok itu, seorang pekerja biasa di situ. Ini kerana penampillannya cukup ringkas. Dan keramahannya bersembang menyambut penulis, tidak menyangka rupanya individu itu yang akan penulis temubual. Beliaulah Ketua Pengarah di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Sikapnya sebegini yang seakan mahu bebas daripada sebarang protokol, membuatkan penulis lebih selesa untuk mendekati Saintis Perhutanan pertama di negara ini, itu.

Memulakan bicara, anak kelahiran Johor Darul Takzim ini menunjukkan landskap buatan yang dihias cantik dengan pokok pokok yang tumbuh di dalam pokok di sekitar kawasan pejabatnya.

Sambil menceritakan minatnya yang begitu mendalam terhadap pokok, memori Abd. Latif terus menangkap peristiwa di dalam sebuah bilik darjah di Sekolah Kebangsaan Simpang Renggam, Kluang, Johor pada 1968.

"Waktu itu, ada seorang cikgu bertanya tentang cicitia apabila besar nanti. Maka, saya pun dengan selambanya menjawab ingin menjadi seorang tukang kebun. Sedangkan, rakan-rakan lain ada yang ingin menjadi seorang guru, juruterbang dan sebagainya," katanya memulakan bincara.

Jawapan itu, katanya, mengundang kehairanan guru dan kawan-kawan, kenapa tukang kebun menjadi inspirasi buat anak bongsu daripada lapan beradik itu.

"Sejak kecil memang saya sudah mengikut emak ke kebun untuk menebas dan menanam pokok. Kami pun memang berasal daripada keluarga susah dan emak bekerja sebagai buruh kasar. Malah, arwah ibu saya juga pernah menjahit baju raya kami adik beradik menggunakan kain perca," ceritanya.

Erti kesusahan itulah yang membuatkan bapa kepada dua anak ini begitu akrab dengan alam sekitar kerana



Tukang kebun cetus inspirasi saintis hutan

baginya apabila bercakap dengan pokok, tumbuh-tumbuhan ciptaan Tuhan itu tidak pernah melawan bahkan memberikan ketenangan kepada manusia.

Walaupun tumbuhan flora yang menghijau begitu dekat dengan kehidupan Abd. Latif, namun, katanya, kerana pokok juga dia pernah koma selama tiga bulan sewaktu kecil akibat terjatuh ketika memanjat pokok.

Menerima Anugerah Saintis Muda Negara pada 1993 ketika berusia 33 tahun, ini adalah pengiktirafan terbesar dalam pencapaian hidup Abd. Latif. Ini kerana beliau baru bekerja selama lapan tahun sejak melaporkan diri pada 1985 ketika itu. Bahkan, rekod yang dipegangnya masih belum pernah dicabar oleh manapun individu penyelidik perhutanan di negara ini. Lebih membanggakan apabila beliau juga memegang enam rekod individu Malaysia Book of Records (MBR) dengan rekod terkini diterimanya pada 12 Disember lalu iaitu Saintis Perhutanan Pertama dilantik sebagai Pengurus Persatuan Institusi-Institusi Perhutanan Asia Pasifik (APAFAPI) untuk kali ketiga.

Di bawah kepimpinannya juga, FRIM berjaya meraih sejumlah 37 MBR termasuk enam rekod individunya. Bahkan, beliau juga adalah perintis dalam mengendalikan pelbagai projek penyelidikan,



ABD. LATIF bergambar dengan pokok kapur berusia 88 tahun di Arboretum Dipterokarpa, FRIM, Kepong pada 15 November 2017.



ABD. LATIF bergambar dengan lima sijil rekod individu Malaysia Book of Records yang diterimanya pada awal tahun ini.

pembangunan dan aplikasi penggunaan hasil hutan bukan kayu seperti rotan, buluh dan palma.

Sepanjang 33 tahun menabur budi di FRIM, beliau membentang dan menulis lebih 300 makalah penyelidikan dalam pelbagai seminar serta jurnal tempatan dan antarabangsa.

Memori ketika darjah dua begitu kuat melekat dalam kotak fikiran seorang pencinta pokok ini. Masakan beliau berusaha menghasilkan sebuah sajian bertajuk *1968- ketika dalam darjah dua* untuk mendedikasikan kenangan sepanjang hayatnya. Bahkan, jodohnya juga ditakdirkan dengan rakan sekelas bernama, Halidah Kasmin yang adalah seorang pelajar pintar.

Peristiwa lalu itu, menjadikan beliau sebagai seorang yang sangat berprinsip dan mempunyai pegangan teguh dengan setiap perkara yang dilakukannya. Baginya, kehidupan yang ditempuhi ini tidak akan lari daripada dua perkara utama.

"Pertama adalah hutan meliputi pokok-pokok dan kedua adalah alam sekitar. Contohnya, kalau kita pergi kepada makanan akan berkait dengan air dan tanah. Aspek kesihatan pula sudah tentu berkait dengan alam sekitar," ujarnya.

Tegasnya, hasil hutan dan kayu-kayu sebenarnya memberi manfaat besar kepada manusia tanpa disedari. Dunia sekarang tidak hanya memandang kayu sebagai balak sahaja, tetapi memandang apa yang ada di dalam hutan sebagai suplemen dan pelengkap kepada hutan asal.

"Contohnya, nilai herba sangat tinggi di pasaran antarabangsa sehingga mencapai RM3.3 trilion (AS\$800) pada tahun lalu. Malah, negara ini mempunyai potensi besar dalam eksport antarabangsa kerana pasaran tempatan juga sudah mencecah RM2 bilion," jelasnya.